



# 15

**ANCAMAN ISRAEL**

**TERHADAP MASJID AL-AQSA**



**AL-QUDS**  
Foundation Malaysia

مؤسسة القدس ماليزيا

# 15

**ANCAMAN ISRAEL**

**TERHADAP MASJID AL-AQSA**



**AL-QUDS**  
Foundation Malaysia  
مؤسسة القدس ماليزيا

Yayasan Antarabangsa Al-Quds menyiaran satu kajian yang dijalankan oleh Ziad Ibhais tentang bahaya yang menanti Masjid Al-Aqsa dan Kota Al-Quds. Berikut adalah isi-isi penting dari kajian tersebut:

## 1. PEMBAHAGIAN AL-AQSA:

Penjajah Israel berazam untuk membina tempat ibadat yang didakwa sebagai satu matlamat strategik tetapi mereka tahu bahawa matlamat itu sukar untuk dilaksanakan. Jadi, mereka mula melancarkan strategi awal iaitu dengan mengiktiraf kewujudan orang Yahudi di Al-Aqsa. Caranya adalah dengan melakukan pembahagian waktu dan kawasan Masjid Al-Aqsa di antara Muslimin dan Yahudi seperti yang dilakukan keatas Masjid Ibrahimi di Al-Khalil



## 2. PERTAMBAHAN KUASA ISRAEL DALAM PEMERINTAHAN AL-AQSA:

Dalam tempoh 50 tahun sejak penjajahan terhadap Al-Aqsa, bilangan parti-parti Israel yang berkuasa semakin bertambah demi merealisasikan pembahagian dan penguasaan terhadap Al-Aqsa serta melancarkan “hak Yahudi untuk beribadat di tempat tersebut”. Rancangan tersebut dijalankan melalui pelbagai cara. Antaranya:

Dari sudut keagamaan: Setelah para Yahudi dilarang untuk masuk ke Al-Aqsa disebabkan undang-undang Yahudi selepas penjajahan pada tahun 1967, pihak berkuasa Israel semakin menggalakkan Yahudi menceroboh Masjid Al-Aqsa. Sebuah organisasi telah berusaha dan bersatu bagi merancang untuk membina rumah ibadat atau bangunan dalam rangka Organisasi pertubuhan rumah ibadat

Dari sudut perundangan: Selepas Mahkamah Israel mengeluarkan hukuman melarang Yahudi beribadat di Masjid Al-Aqsa, hukuman itu ditarik balik dengan membenarkan Yahudi untuk beribadat di dalamnya sama ada sendirian atau berjemaah sejak tahun 2003. Mereka juga mengusulkan rancangan pembahagian Masjid Al-Aqsa di dalam parlimen supaya ianya dapat dijalankan secara sah.



Dari sudut politik: Bilangan penyokong di parlimen dan kerajaan Israel yang membenarkan Yahudi beribadat di Masjid Al-Aqsa semakin bertambah dan menjadi semakin kuat. Kerajaan telah menyokong dan menaja segala bentuk pencerobohan dan campur tangan terhadap Al-Aqsa untuk merealisasikan pembinaan rumah ibadat

Dari sudut keamanan: Tugas tentera Israel berubah kepada melindungi para penceroboh supaya mereka dapat masuk ke dalam Masjid Al-Aqsa dengan selamat. Perkara ini sangat membimbangkan kerana ianya akan menggalakkan organisasi rumah ibadat merancakkan pencerobohan kerana mereka telah memperolehi perlindungan daripada tentera Israel yang kononnya menjaga keamanan Masjid Al-Aqsa.

Tedapat beberapa pusat askar Yahudi, beberapa projek pembinaan yang lain serta jambatan besi yang menghubungkan Bab Al-Mugharabah dibuat bagi membolehkan kenderaan askar dan tentera Israel masuk ke Al-Aqsa. Malah, kerja-kerja meyahudikan kawasan Al-Buraq masih berjalan dengan lancar.

## 9. HALANGAN TERHADAP PARA JEMAAH DARIPADA MEMASUKI AL-AQSA:

Tentera Israel tidak membenarkan selain penduduk Al-Quds dan Wilayah Palestin 1948 untuk masuk ke Masjid Al-Aqsa. Mereka juga menghalang sesiapa sahaja yang berumur 50 tahun ke bawah daripada memasuki masjid tersebut dalam usaha mengurangkan bilangan Muslim ke masjid dan mengosongkannya untuk melaksakan rancangan mereka meyahudikan kawasan tersebut.



### **3. PENGHAPUSAN IDENTITI ISLAM DALAM PENTADBIRAN AL-AQSA:**

Pihak Israel cuba untuk menghapuskan identiti Islam dalam hal pentadbiran Al-Aqsa melalui sekatan ke atas Bahagian Waqaf di Al-Quds dan mewujudkan sistem formal yang membenarkan mereka menguasai hal ehwal masjid.

### **4. PENGHAPUSAN IDENTITI ISLAM DALAM PENTADBIRAN AL-AQSA:**

Puak Yahudi membina satu bandar Yahudi berdasarkan gambaran Bible sebagai seolah-olah sebuah “Yahudi Jerusalem” di kawasan Kota Lama Al-Quds dan Al-Aqsa dan kawasannya.

### **5. PENUMPUAN SERANGAN DI MASJID:**

Pencerobohan yang berterusan terhadap Al-Aqsa semakin meningkat berikutan perlindungan dan bantuan yang diberikan oleh tentera Israel. Segala pertolongan ini kononnya untuk menunjukkan kemudahan mereka dalam membuat keputusan dari sudut politik, keagamaan, undang-undang dan keselamatan dengan membuat pembahagian terhadap Al-Aqsa serta menambahkan bilangan Yahudi di masjid tersebut.

Bilangan penceroboh dari kalangan pelampau Yahudi telah mencapai 14,806 orang pada tahun 2016, iaitu pertambahan sebanyak 150% sejak daripada tahun 2009.

## 6. PROJEK PENGGALIAN DI AL-AQSA DAN KAWASAN SEKITARNYA:

sehingga tahun 2016, sebanyak 63 tempat telah digali di Al-Aqsa dan kawasan sekitarnya. Pihak berkuasa Israel melakukan penggalian ini dengan alasan untuk mencari “warisan Yahudi” yang terdapat di kawasan yang didakwa sebagai tempat ibadat mereka. Akan tetapi, tujuan sebenar penggalian adalah untuk membina satu rangkaian terowong penghubung dan menjadikannya sebagai satu “Kota Bersejarah Suci Yahudi Jerusalem”



## 7. PEMBINAAN GEREJA YAHUDI DI AL-AQSA DAN KAWASAN SEKITARNYA:

Terdapat sepuluh buah gereja mengelilingi Masjid Al-Aqsa di mana penjajah Israel cuba untuk meyahudikan kawasan Masjid Al-Aqsa melalui pembinaan gereja-gereja tersebut.



## 8. PEMBINAAN IDENTITI YAHUDI DAN RAMPASAN TANAH:

Pihak penjajah Israel sedang merampas sesetengah warisan dan tanah-tanah di sekitar Al-Aqsa untuk melaksanakan rancangan mereka dalam menghapuskan identiti Islam dan ‘meyahudikan’ kawasan tersebut.

## 12. PENGUSIRAN PENDUDUK AL-QUDS:

Rancangan pengusiran penduduk Al-Quds telah berjalan di seluruh kawasan Al-Quds secara berterusan oleh puak penjajah Israel tetapi ia tertumpu di kawasan Masjid Al-Aqsa dan sekitarnya kerana penduduk Al-Quds adalah benteng pertahanan yang menghalang mereka menguasai masjid tersebut.

## 13. TANGKAPAN, PENGUSIRAN DAN SEKATAN:

Penjajah Israel mensasarkan pengawal Al-Aqsa dan para jemaahnya dengan menyeksa, menyekat, menahan serta mengusir mereka dari masjid tersebut. Pihak Berkuasa Israel telah mengusir 258 pengawal serta petugas bahagian waqaf dan para Murabit dan para jemaah pada tahun 2016.



## 10. CAMPUR TANGAN DALAM KERJA -KERJA PENGURUSAN WAQAF ISLAM:

Pihak berkuasa Israel cuba untuk menghapuskan pengawasan eksklusif oleh Bahagian Waqaf Islam di Al-Quds di bawah Jordan dengan menghalang mereka daripada melaksanakan kerja penyelenggaraan dan pemulihan pada waktu yang sesuai. Mereka juga menyekat fungsi organisasi tersebut serta menahan kakitangan mereka



## 11. PENGAHAPUSAN KOD PERTAHANAN DARI AL-AQSA:

Kepimpinan Palestin memberi sumbangan yang besar dalam mempertahankan Al-Aqsa. Mereka menggerakkan dan menggalakkan orang ramai menentang puak penjajah Israel. Perkara ini mengganggu penjajah Israel seterusnya membuatkan mereka mengeluarkan beberapa kod pertahanan terhadap Al-Quds di bawah keputusan mahkamah melalui. Kod ini menghalang mereka berkuasa terhadap Al-Aqsa

## 14. PENANGKAPAN PARA MURABIT (PENJAGA MASJID AL-AQSA):

Pada 8 September 2015, puak penjajah Israel telah mengeluarkan kenyataan yang tidak sah dari segi undang-undang berkaitan para Murabit dan penuntut majlis ilmu di Al-Aqsa. Dalam kenyataan tersebut, mereka menghalang para pengawal dari mengawasi masjid supaya mereka dapat menghapuskan halangan terbesar yang mengganggu para penceroboh dari memasuki Masjid Al-Aqsa

## MENSASARKAN INSTITUSI DAN BADAN-BADAN AMAL DI AL-AQSA:

Puak penjajah Israel menutup sepuluh institusi dan organisasi Palestin khas untuk Al-Quds dan Al-Aqsa. Dalam keputusan yang dibuat mereka pada November 2015, mereka telah mengharamkan gerakan Islam di bumi jajahan Palestin 1948 yang diperintah oleh Syeikh Raed Solah dan 17 institusi di bawahnya. Ianya menjadi satu keputusan yang paling bahaya kerana ia akan menghapuskan penguasaan mereka terhadap Al-Aqsa.



**AL-QUDS**  
Foundation Malaysia  
مؤسسة القدس ماليزيا

[www.alqudsmalaysia.org](http://www.alqudsmalaysia.org)

QFMalaysia

[qfmalaysia@gmail.com](mailto:qfmalaysia@gmail.com)

+603 4131 2650

+6011 28352900

2-35, PV128, Jalan Genting Kelang, Setapak, 53100 KL

CIMB BANK: 8600499329    Maybank: 564221639339